

Info Tembikai

1. Nama Biasa Tembikai

2. Nama Saintifik *Citrullus lunatus*

3. Keperluan Asas Faktor Iklim Suhu optimum 25°C- 35°C pada siang hari dan 18°C- 22°C pada sebelum malam, taburan hujan minimum pada 380 mm.

Faktor Tanah

Faktor-faktor Tanah dan Kesesuaian Untuk Tanaman Tembikai

Sifat Tanah		Kesesuaian Tanaman Tembikai
1	Kecerunan	0 - 6 darjah (Rata hingga beralun)
2	Saliran	Tak sempurna salir-salir
3	Kedalaman Tanah yang berkesan	minimum 25 cm
4	Struktur dan Tekstur	Selain dari pasir yang tak berstruktur dan lempung berat kurang salir
5	Kemasinan	< 1ds/m
6	Kedalaman lapisan asid sulfat	>50 cm
7	Ketebalan gambut	Tiada gambut
8	Keberbatuan (stoniness)	25% dan tersebar rata atau terdapat lebih dalam 75 cm. Tiada penghalang sedalam 25 cm.
9	Ketidakseimbangan nutrient (nutrient imbalance)	Tidak terdapat unsur-unsur mikro yang toksik

4. Amalan Kultur Pemilihan Kawasan

Penyediaan Kawasan

- Pembersihan kawasan menggunakan jentera atau tenaga manusia.
- Pokok-pokok yang telah ditebang dilonggokkan dan dimusnahkan.
- Kawasan yang telah dibersih hendaklah dibajak.

Penyediaan Batas dan lubang tanaman

- Lebar batas untuk tanaman tembikai adalah disyorkan di antara 1.3 – 1.5 m.
- Jarak antara batas ialah 1.8 – 2.5 m.
- Jarak tanaman yang disyorkan ialah antara 2 – 2.5 m.
- Kepadatan tanaman tembikai ialah 2 000 – 2 500 lubang/ ha dan setiap lubang mempunyai 2 pokok.

- Penanaman Cara menyemai
- lubang - lubang semaian diisi dengan media percambahan sehingga tahap 90 %.
 - Satu biji benih disemai bagi setiap lubang dan seterusnya ditutup dengan sedikit media yang sama.
 - Selepas 2 hari, semua pembalut dibuka dan dibiarkan terdedah kepada cahaya matahari untuk pengerasan.
 - Siraman hendaklah dibuat 2 kali sehari sementara penyeliaan dibuat setiap hari bagi memastikan anak pokok yang kurang sihat dibuang segera.
- Penanaman di Ladang
- Anak benih boleh diubah ke ladang apabila daun yang pertama atau yang kedua terbuka, iaitu selepas 8 – 12 hari disemai.
- Pengurusan jalar
- Pemangkasan jalar utama dibuat pada ruas keenam dan ketujuh iaitu apabila tanaman berumur 15 – 20 hari.
 - Latihan jalar-jalar ini supaya ia mengikut arah yang dikehendaki perlu dibuat pada umur pokok 15 hari selepas menanam.
- Pendebungan berbantu
- Lazimnya, serangga seperti lebah, penyengat dan kumbang memainkan peranan dalam proses pendebungan bagi tanaman tembikai.

Pembajaan

Program Pembajaan Tanaman Tembikai

Peringkat Pertumbuhan	Masa	Jenis Baja	Kadar /Lubang	Masa Membaja /Cara
Pembajaan asas	10 HBT	Tahi ayam NPK 15:15:15	1 - 1.5 kg 88 kg	Digaul bersama tanah ada batas tanaman
Pengeluaran daun dan sulur pertumbuhan tampak	10 HST 20 HST	NPK 15:15:15 Baja NPK 12:12:17:2+TE	100 g 100 g 10 - 15	Ditabur sama rata di sekeliling lubang lebih kurang 30cm dari pangkal pokok
Pengeluaran bunga, putik dan buah	30 HST	Baja NPK 12:12:7:2+TE	100 g	Ditabur sama rata di sekeliling lubang lebih kurang 30 cm dari pangkal pokok.

Semasa berbunga dan peringkat pembentukan buah	45 HST	Baja NPK 12:12:17:2+TE	100 g	Ditabur sama rata di sekeliling lubang tanaman atau diberi dalam empat pokok 50 - 70 cm dari pangkal pokok
Semasa buah membesar	52 HST	Baja NPK 12:12:17:2+TE	100 g	Sama seperti di atas

*HBT - hari belum tanam

*HST - hari lepas tanam

Pengurusan Air

- Sistem pengairan renjis

Sistem ini sesuai digunakan pada tanah bris, mineral dan gambut ceta. Peralatan yang diperlukan ialah pam, salur paip and kepala perenjis. Sumber air boleh didapati dari parit, kolam atau sungai. Bagi kawasan tanah bris telaga tiub boleh digunakan. tetap kos permSistem renjis dapat memberikan pengairan yang memuaskan tetapi kos permulaannya agak tinggi di antara RM9000 ke -Rm 10 000 sehektar

- Sistem alur

Sistem alur hanya sesuai untuk tanah yang rata dan boleh menakung air seperti tanah mineral dan gambut cetek tetapi tidak sesuai untuk tanah berpasir seperti bris. Pengairan dibuat dengan megepam air dari sumber air yang berdekatan dan dialirkan ke alur-alur ini. Sistem ini murah kerana hanya pam sahaja yang diperlukan.

- Pengairan secara manual

Cara ini diamalkan oleh pengusaha yang mengerjakan kawasan yang kecil. Hanya satu pam air dan hos plastik atau getah diperlukan. Air selalunya diambik dari telaga atau parit yang berdekatan. Pengairan dibuat dengan menyiram pokok-pokok secara manual menggunakan hos yang disambungkan kepada pam air. Cara ini tidak sesuai untuk kawasan yang luas.

5. Penggredan

Klasifikasi	Berat buah (g)
Berat	>10
Sederhana	5 - 10
Kecil	3 - 5

KOS PENGELUARAN TEMBIKAI SEHEKTAR PADA TAHUN 2009

Jarak tanaman : 0.75m x 5.5m (0.75 - 1.2 m x 4.5 - 5.5 m)

Bilangan Pokok : 2400 lubang

Umur Tanaman : 65 - 75 hari

Pekara		Kuantiti		Harga/unit		NILAI KOS (RM)
A. Pendapatan Kasar		25,000	kg	0.8	/kg	20,000.00
B. Kos						
I. Kos Bahan Input						
1	Benih Seedles	120	gm	65	/ 20 gm	390.00
2	Benih Tembakai Kuning	20	gm	65	/ 20 gm	65.00
3	Baja					
	a. Kapur	2.5	tan	200	/ tan	500.00
	b. Organan	5	tan	300	/ tan	1,500.00
	c. NPK 12:12:17:2	0.4	kg	3,600	/ tan	1,440.00
	d. NPK 15:15:15	0.4	kg	3,000	/ tan	1,200.00
	e. Baja foliar	8	Liter	20	4/Liter	40.00
4	Semaian	360	buah	3	/ buah	1,080.00
	a Media semaian	2	beg	26	/beg	52.00
	b.Tray semaian *	80	unit	3	/unit	48.00
5	Racun kimia					
	a. Racun kulat CH Benomyl	1	kg	70	/kg	70.00
	b. Racun kulat Mancozeb	2	kg	20	/kg	40.00
	c. Imidachloprid	1	Liter	200	/0.5 lit	400.00
	d Chlorpyrifos	2	Liter	30	/lit	60.00
6	Plastik Silvershine 6' **	9	gulung	110	/gulung	495.00
7	Petrol	80	Liter	2	Liter	160.00
Jumlah Kecil I						7,540.00
II. Kos Tenaga Kerja						
1	Penyediaan tanah dan batas**	Kontrak				1,000.00
2	Semaian benih	1	t.h.	30	/th	30.00
3	Merata dan memperbaiki batas	4	t.h.	30	/th	120.00
4	Pasang plastik silvershine & tebuk lubang	6	t.h.	30	/th	180.00
5	Menanam	6	t.h.	30	/th	180.00
6	Menyiram	10	t.h.	30	/th	300.00
7	Membaja	12	t.h.	30	/th	360.00
8	Mengawal rumpai	10	t.h.	30	/th	300.00
9	Mengawal serangga ,penyakit & baja foliar	8	t.h.	30	/th	240.00
10	Mencantas sulur	3	t.h.	30	/th	90.00
11	Pendebungaian berbantu	5	t.h.	30	/th	150.00
12	Memungut hasil	15	t.h.	30	/th	450.00
Jumlah Kecil II						3,400.00
III. Kos Tetap						
1	Sewa tanah	3	bulan	42	/ha/bln	126.00
2	Susut nilai alat pengairan titis***	3	bulan	33	/bulan	99.00
Jumlah Kecil III						416.67
IV. Kos Luar Jangka						1,135.67
Jum. Kos Pengeluaran I+II+III+IV						12,492.34
C. Pendapatan						
1	Bersih					7,507.66
2	Pulangan Setiap RM Pelaburan					1.60
3	Harga Pulang Modal (Kos/kg)					0.62

Nota * : 5 Musim penanaman
 ** : 2 musim penanaman
 *** : 5 tahun